

hantar peserta ke Belanda

21 AUG 1990

Pesaka dalam keadaan tenat

B. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOF
PERSEKUTUAN Silat
Kebangsaan Malaysia
(Pesaka) dikatakan 'tenat' berikutan masalah kewangan bagi menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia di Belanda pada 14 hingga 23 September ini.

Setiausaha Kerja Pesaka, Idris Johari, berkata jika masalah itu tidak diatasi, Malaysia akan menerima 'malu' kerana gagal menyenaraikan semua 15 pesilat dan pasukan silat seni.

Ini katanya, Malaysia, tergolong di antara negara pengasas Perseku-

tuan Silat Antarabangsa (Persilat) dan berperanan memperkenalkan Kejuaraan Silat Sedunia.

Pada Kejuaraan Sedunia keempat di Kuala Lumpur tiga tahun lalu, Malaysia memenangi empat emas, tujuh perak dan lapan gangsa. Malaysia turut menjuarai acara silat seni.

Katanya, walaupun Majlis Sukan Negara memberi peruntukan \$18,000 bagi menghantar tujuh pesilat lelaki dan dua pegawai, jumlah itu tidak mencukupi.

Teraju Pesaka

MB Selangor dicadang

B. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOF

22 AUG 1990

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan menemui Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhd Taib, tengah hari ini bagi mendapat persetujuan menerajui badan induk silat kebangsaan itu.

Selain itu, Pesaka juga akan meminta jasa baik Menteri Besar Selangor menyelesaikan masalah kewangan bagi menampung pebelanjaan skuad kebangsaan menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia di Belanda pada 14-23 September ini.

Setiausaha kerja Pesaka, Idris Johari, berkata: "Rombongan kami akan menemui Tan Sri Haji Muhamad, tengah hari ini dalam menyelesaikan beberapa masalah.

"Perkara utama akan dibincangkan ialah me-

mintanya persetujuan Menteri Besar untuk bertanding kerusi Presiden Pesaka pada mesyuarat agung akan datang," katanya.

"Kami memerlukan kira-kira \$30,000 untuk membawa 15 pesilat olahraga, lima pesilat seni dan tiga pegawai ke Belanda. Setakat ini, Majlis Sukan Negara memperuntukkan \$18,000 bagi tujuan itu," kata Idris.

Kelmarin, Pesaka mendedahkan bahawa mereka menghadapi masalah kewangan yang tenat untuk ke Belanda, kerana sebagai pengasas silat antarabangsa, Malaysia cuma mengirim tujuh pesilat ke Kejuaraan Sedunia itu.

Sebelum ini, Tan Sri Haji Muhamad menyatakan kesediaan memimpin Pesaka jika presiden sekarang, Datuk Abdul Rahman Mahmud, mengundurkan diri.